



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 MEI 2025 (AHAD)

Malaysia kekal bebas penyakit anthrax

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	11 Mac



PUTRAJAYA - Malaysia disahkan kekal bebas daripada penyakit anthrax walaupun Thailand ketika ini dilaporkan mempunyai satu kes kematian manusia akibat jangkitan penyakit itu pada 1 Mei lalu.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, kematian dilaporkan di Thailand itu berpunca daripada penyembelihan lembu dan pengambilan daging mentah di Daerah Don Tan, Wilayah Mukdahan, Thailand.

-ADVERTISEMENT-

Menurut DVS, penyakit anthrax disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* yang boleh menjangkiti haiwan dan manusia serta membawa maut.

“Malaysia bebas daripada penyakit anthrax sejak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976. “Sehingga kini, tiada laporan berkenaan penyakit anthrax di negara ini.

“Bagaimanapun, DVS sentiasa berwaspada memandangkan penyakit ini masih aktif di beberapa negara lain termasuk Thailand,” katanya dalam satu kenyataan hari ini. Penyakit anthrax boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui sentuhan langsung dengan spora bakteria yang dihasilkan oleh *Bacillus anthracis*.

“Antara tanda klinikal yang boleh dikesan pada haiwan termasuk kematian mengejut, demam tinggi, lemah, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan terutama di leher, muntah dan cirit-birit.


“Dalam sesetengah kes, darah juga boleh keluar dari hidung, mulut atau dubur haiwan,” katanya. Susulan itu, DVS telah memohon jaminan daripada pihak berkuasa Thailand bahawa tiada haiwan atau produk haiwan dari kawasan berisiko tinggi anthrax dieksport ke Malaysia.

“Kami juga meminta laporan status terkini, langkah kawalan pergerakan haiwan dan pelan kontingensi penyakit anthrax daripada Thailand.

“Ini penting memandangkan Malaysia mengimport ternakan lembu dan kerbau dari Thailand,” katanya. - KOSMO! ONLINE

No anthrax cases in Malaysia to date, Vet Dept urges vigilance after deadly outbreak in Thailand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Online	11 Mac



PUTRAJAYA, May 11 – Malaysia has remained free of anthrax since the last reported case to the World Organisation for Animal Health in 1976.

In a statement today, the Department of Veterinary Services (DVS) confirmed that no cases of anthrax have been reported in the country to date.

DVS noted that it takes the recent anthrax outbreak in Thailand seriously, particularly following the confirmation of a human fatality due to anthrax infection on May 1.,

as reported by Thailand's Department of Disease Control. The case was linked to cattle slaughtering and consuming raw beef in Don Tan District, Mukdahan Province, northeastern Thailand, which borders the Lao People's Democratic Republic. "At present, we remain vigilant and have requested assurance from the Thai authorities that no animals or animal products from high-risk anthrax areas are being exported to Malaysia," the statement read.

The department explained that anthrax is caused by the bacterium *Bacillus anthracis*, a zoonotic disease, i.e., an animal disease that can infect humans and may be fatal.

"This disease can infect livestock and humans through direct contact with spores produced by *Bacillus anthracis*.

"It can cause a high mortality rate among livestock. Common clinical signs in animals include high fever, which may cause sudden death," it said.

DVS urged livestock farmers to immediately make a report if they detect any of these symptoms in their animals.

"The department has also requested that Thai authorities provide updates on the current situation, measures taken to control the movement of animals and animal products within Thailand, and their contingency plan for managing the outbreak.

"Malaysia imports live cattle and buffalo from Thailand, and all livestock entering the country must undergo strict veterinary inspections before being allowed in," read the statement.

As a precautionary measure, the DVS continues to carry out control and prevention activities to ensure Malaysia remains free of anthrax.

"DVS advises and urges livestock farmers to enhance farm biosecurity, especially in preparation for the upcoming Hari Raya Korban celebrations.

"The health status of all new livestock brought onto farms must be verified through inspections by certified veterinary officers and accompanied by valid livestock transfer permits.

"DVS calls on all stakeholders, especially livestock farmers, to stay informed on the latest developments concerning animal disease outbreaks and to immediately report any clinical signs of disease in their animals," the statement added. – Bernama

Malaysia Kekal Bebas Penyakit Anthrax – DVS Perketat Kawalan Import Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara TV	berita	Online	11 Mac



PUTRAJAYA, - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) menegaskan bahawa Malaysia kekal bebas daripada penyakit anthrax sejak kes terakhir yang dilaporkan pada tahun 1976, meskipun negara jiran Thailand kini berdepan wabak yang menyebabkan satu kematian manusia. Dalam satu kenyataan hari ini, DVS memaklumkan bahawa kes terbaru yang berlaku di Daerah Don Tan, Wilayah Mukdahan, timur laut Thailand, dipercayai berpunca daripada penyembelihan lembu dan

pengambilan daging mentah. Kawasan tersebut bersempadan dengan Republik Demokratik Rakyat Lao. "Penyakit anthrax adalah zoonotik, iaitu boleh merebak daripada haiwan kepada manusia dan berpotensi membawa maut. Penyakit ini disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* yang menghasilkan spora berbahaya kepada ternakan dan manusia," jelas kenyataan itu.

Antara tanda klinikal anthrax pada ternakan termasuk kematian mengejut, demam tinggi, bengkak di kawasan jangkitan, muntah, cirit-birit serta pendarahan dari hidung, mulut dan dubur.

DVS turut menekankan bahawa pihaknya telah mengambil langkah berjaga-jaga susulan insiden di Thailand, termasuk memohon jaminan daripada negara itu bahawa tiada haiwan atau produk haiwan dari kawasan berisiko tinggi anthrax dieksport ke Malaysia.

“Malaysia mengimport lembu dan kerbau hidup dari Thailand, justeru semua ternakan perlu melalui pemeriksaan veterinar ketat sebelum dibenarkan masuk ke negara ini,” tambah kenyataan itu.

Antara langkah lain yang sedang diambil DVS termasuk:

- Pemantauan rapi terhadap kesihatan ternakan melalui Program Survelan Kebangsaan.
- Meningkatkan kesiapsiagaan DVS di semua peringkat termasuk makmal dan institut penyelidikan veterinar.

- Menyediakan garis panduan khas kepada pegawai MAQIS di pintu masuk negara.

- Mengedarkan risalah kesedaran kepada orang awam mengenai penyakit anthrax.

Sempena sambutan Hari Raya Korban yang bakal menjelang, DVS menasihatkan para penternak agar memastikan tahap biosecuriti ladang sentiasa berada pada tahap tertinggi, selain memeriksa kesihatan setiap ternakan baharu yang dibawa masuk dengan pengesahan pegawai veterinar bertauliah.

“Penting untuk memastikan setiap kemasukan ternakan mempunyai permit sah dan bukan dibawa masuk secara haram, terutama dari negara jiran,” tegas DVS.

Penternak dan orang awam juga diseru untuk segera melaporkan sebarang tanda klinikal penyakit pada haiwan ternakan kepada pihak berkuasa bagi membendung sebarang risiko penularan penyakit.

M'sia anthrax-free since 1976, seeks assurances from Thailand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysiakini	News	Online	11 Mac



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu

Malaysia has remained free of anthrax since the last reported case to the World Organisation for Animal Health in 1976.

In a statement today, the Veterinary Services Department (DVS) confirmed that no cases of anthrax have been reported in the country to date.

No Local Anthrax Cases Reported, Malaysia On Alert As Outbreak Hits Thailand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Business Today	News	Online	11 Mac



Malaysia remains free of anthrax, with no reported cases since 1976, the Department of Veterinary Services (DVS) confirmed on May 10, amid rising concerns over a deadly outbreak in neighbouring Thailand.

However, the department said it is closely monitoring the situation following confirmation of a human death from anthrax in Thailand's Mukdahan Province, linked to cattle slaughter and raw beef consumption near the Laos border.

"We remain vigilant and have sought assurance from Thai authorities that no animals or animal products from high-risk zones are entering Malaysia," the department said in a

statement. Anthrax, caused by *Bacillus anthracis*, is a serious zoonotic disease that can be fatal to both humans and livestock. Malaysia, which imports live cattle and buffalo from Thailand, enforces strict veterinary checks at entry points.

As a precaution, DVS has stepped up disease surveillance and urged livestock farmers to strengthen biosecurity ahead of the Hari Raya Qurban celebrations. Farmers are advised to verify the health status of new animals and report any signs of high fever or sudden death.

Malaysia remains anthrax-free since 1976, says Veterinary Services Department

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
News Strait Times	Nation	Online	11 Mac



PUTRAJAYA: Malaysia has remained free of anthrax since the last reported case to the World Organisation for Animal Health in 1976.

In a statement today, the Department of Veterinary Services (DVS) confirmed that no cases of anthrax have been reported in the country to date.

The department noted that it takes the recent anthrax outbreak in Thailand seriously, particularly following the confirmation of a human fatality due to anthrax infection on May 1, as reported by Thailand's Department of Disease Control.

The case was linked to cattle slaughtering and consuming raw beef in Don Tan District, Mukdahan Province, northeastern Thailand, which borders the Lao People's Democratic Republic. "At present, we remain vigilant and have requested assurance from the Thai authorities that no animals or animal products from high-risk anthrax areas are being exported to Malaysia," the statement read. The department explained that anthrax is caused by the bacterium *Bacillus anthracis*, a zoonotic disease, i.e., an animal disease that can infect humans and may be fatal.

"This disease can infect livestock and humans through direct contact with spores produced by *Bacillus anthracis*.

"It can cause a high mortality rate among livestock. Common clinical signs in animals include high fever, which may cause sudden death," it said.

The department urged livestock farmers to immediately make a report if they detect any of these symptoms in their animals.

"The department has also requested that Thai authorities provide updates on the current situation, measures taken to control the movement of animals and animal products within Thailand, and their contingency plan for managing the outbreak.

"Malaysia imports live cattle and buffalo from Thailand, and all livestock entering the country must undergo strict veterinary inspections before being allowed in," read the statement.

As a precautionary measure, the department continues to carry out control and prevention activities to ensure Malaysia remains free of anthrax.

"The department advises and urges livestock farmers to enhance farm biosecurity, especially in preparation for the upcoming Hari Raya Qurban celebrations.

"The health status of all new livestock brought onto farms must be verified through inspections by certified veterinary officers and accompanied by valid livestock transfer permits.

"The department calls on all stakeholders, especially livestock farmers, to stay informed on the latest developments concerning animal disease outbreaks and to immediately report any clinical signs of disease in their animals," the statement added.

Malaysia bebas penyakit antraks - DVS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Berita	Online	11 Mac



PUTRAJAYA: Malaysia bebas daripada penyakit antraks sejak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada 1976.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dalam kenyataan hari ini memaklumkan hingga kini tiada sebarang laporan berkenaan penyakit antraks di negara ini.

Menurut DVS, pihaknya memandang serius wabak penyakit itu yang menyebabkan satu kematian manusia yang disahkan akibat jangkitan antraks pada 1 Mei lalu seperti dilaporkan oleh Jabatan Kawalan Penyakit (DDC), Thailand.

Kenyataan itu memaklumkan kes

tersebut dikaitkan dengan penyembelihan lembu dan pengambilan daging mentah di Daerah Don Tan, Wilayah Mukdahan di timur laut Thailand yang bersempadan dengan Laos. "Ketika ini, DVS kekal waspada dan memohon jaminan daripada Thailand bahawa tiada haiwan dan produk haiwan yang disyaki dari kawasan berisiko tinggi antraks dieksport ke Malaysia," menurut kenyataan itu. Penyakit antraks disebabkan bakteria *Bacillus anthracis* dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut.

"Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria *Bacillus anthracis*.

"Antraks boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan dan antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut serta demam yang tinggi," menurut kenyataan itu. Menurut kenyataan itu, penternak diminta melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut.

"Thailand turut dimohon memberikan status semasa, langkah-langkah yang diambil untuk mengawal pergerakan haiwan dan produk haiwan di negara itu serta pelan kontingensi mengenai penyakit antraks.

"Ini berikutan Malaysia mengimport ternakan hidup iaitu lembu dan kerbau dari Thailand, dan semua ternakan yang memasuki negara ini perlu melalui proses pemeriksaan veterinar yang ketat sebelum dibenarkan masuk," menurut kenyataan itu. **Jabatan Veterinar ambil langkah berjaga-jaga, penternak dinasihat tingkat tahap biosekuriti ladang**

Kenyataan itu memaklumkan sebagai langkah berjaga-jaga, DVS terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada penyakit tersebut.

DVS juga ingin menasihatkan penternak agar meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang hari raya korban yang akan datang.

"Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pemindahan ternakan yang sah.

"Selain itu, penternak perlu berhati-hati dengan sebarang kemasukan ternakan yang tidak mempunyai permit pemindahan yang sah terutamanya ternakan yang dibawa masuk dari negara jiran," menurut DVS.

Semua pihak khususnya penternak diminta supaya sentiasa mengambil perhatian perkembangan semasa berhubung kejadian penyakit haiwan dan melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda klinikal penyakit pada haiwan ternakan masing-masing. - BERNAMA

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR